

Bab 3 Perkembangan dan Pembinaan Peradaban Cina di Malaya

Kemenangan besar dalam pilihan raya yang dilangsungkan pada bulan Julai 1955 oleh Parti Perikatan memberi keyakinan kepada mereka untuk berkerajaan sendiri. Bagi merealisasikan manifesto pilihan raya yang menjanjikan kemerdekaan Malaya, satu jawatankuasa kemerdekaan telah dibentuk bagi menggubal perlembagaan. Seterusnya, delegasi perundingan yang terdiri daripada para Sultan dan pemimpin perikatan dihantar ke London bagi mengadakan perundingan yang berakhir dengan persetujuan kemerdekaan. Pada 31hb Ogos 1957, Tanah Melayu telah mengisytiharkan kemerdekaan, ia merupakan hasil usaha yang dijalankan oleh ketiga-tiga kaum utama Malaya, iaitu orang Melayu, India dan Cina. Kemerdekaan Malaya dari penjajahan British bukan sahaja memberi kebebasan berkerajaan sendiri, malah ia mempengaruhi nasib, pegangan politik, pemikiran, peradaban serta pegangan identiti para penduduknya.⁶⁸

Setelah meninjau pegangan dan perubahan identiti politik dan peradaban orang Cina yang berlainan menjelang era kemerdekaan Malaya, bab ini akan mendalami bagaimana mereka didapati gagal menepati hasrat kerajaan dan kehendak negara bangsa baru dengan meninjau aspek-aspek yang menimbulkan dilema tersebut.

Sebelum dilema tersebut dikaji, wajarlah bagi kita memahami konsep negara bangsa terlebih dahulu. Pada asasnya, konsep negara bangsa bermaksud satu entiti politik berdaulat yang diperintah oleh sekumpulan orang dalam suatu

⁶⁸ Gilbert Khoo, Dorothy Lo, *Asian Transformation: A History of South-East, South and East Asia*.

ruang kawasan tertentu. Penduduk-penduduk dalam kawasan tersebut mempunyai ciri-ciri persamaan seperti bahasa dan peradaban, mereka turut berkongsi bersama tinggalan sejarah, sosial, politik dan ekonomi yang diwarisi bersama, kesemua atau sebahagian daripadanya memberikan identifikasi terhadap kumpulan tersebut.⁶⁹ Dalam lingkungan kawasan tersebut, pemerintah berhak menjalankan kuasa ke atasnya. Kedaulatan, set undang-undang, perlombagaan, kerajaan, sistem pemerintahan dan sempadan yang tetap merupakan sifat-sifat sesebuah negara bangsa dan sifat-sifat ini diiktiraf bersama oleh negara bangsa yang lain.⁷⁰

3.1 Pembinaan Bangsa

Penyusunan semula etnik menjadi sebahagian daripada agenda penting pembinaan negara bangsa yang sering diambil oleh kerajaan negara bangsa baru. Menurut Ahmad Hussein, seorang pengkaji politik, tujuan penyusunan semula etnik ialah mewujudkan kesamaan identiti politik di kalangan penduduk yang difikirkan penting dalam melicinkan proses pembinaan negara dan perpaduan penduduk, misalnya ciri-ciri peradaban dan psikologikal yang difikirkan berupayaan memperkuatkan ketaatan dan kesayangan bersama terhadap negara. Kesamaan identiti selalu dianggap sebagai faktor penting untuk menjamin kestabilan, perpaduan dan keutuhan negara. Keperluan tersebut sering menyebabkan tekanan kuat diberi kepada apa yang dikenali sebagai proses pembinaan bangsa (*nation building*) yang sering dijalankan di negara-negara yang

Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books Ltd., m/s 209.

⁶⁹ Syed Ahmad Hussein, *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, m/s 195.

⁷⁰ Iain Maclean, *Concise Dictionary of Politics*. New York: Oxford University Press, 1996, m/s 331.

berperadaban dan berkumpulan etnik majmuk. Keperluan pembentukan semula bangsa ini digambarkan oleh kata-kata yang terkenal pada awal pembentukan negara Itali:

having created Italy, it is now necessary to create Italians.⁷¹

Sebelum sesebuah negara bangsa dapat didirikan, kawasan tersebut biasanya merupakan tanah jajahan yang diperintah oleh kuasa asing. Bagi penjajah barat, mereka sering mencipta pelbagai kumpulan etnik baru di Afrika, misalnya Kaum Bunyoro Afrika yang menentang pemerintahan penjajah telah dimasukkan ke dalam Kaum Toro, dan dijajah dalam satu kawasan pentadbiran baru.⁷² Mereka juga membawa masuk peradaban dan model sosial barat ke dalam kawasan jajahan. Namun, tujuan utama penjajah ialah untuk memudahkan pentadbiran. Kadang-kala, penciptaan suatu etnik baru dijalankan semata-mata hanya untuk menyahut keperluan pentadbiran. Pada waktu yang sama, suatu kumpulan etnik turut mungkin lenyap atas tindakan politik penjajah.

Seperti apa yang dihuraikan dalam teori “ masyarakat imaginasi,” masyarakat yang terbentuk atas tindakan sesebuah negara bangsa baru sebenarnya tidak mempunyai asal usul dan hubungan yang jelas, maka daya imaginasi baru diperlukan bagi membina masyarakat tersebut. Namun, tindakan tersebut membawa dua kelemahan. Pertama, memandangkan “ masyarakat imaginasi”

⁷¹ Dipetik oleh Syed Ahmad Hussein dalam *Pengantar Sains Politik*, m/s 195.

⁷² Lin Kaizhong 林开忠, *Jiangou Zhong De "Huaren Wenhua"* : *Zuqun Shuxing, Guojia yu Huajiao Yundong* 建构中的‘华人文化’：族群属性、国家与华教运动 (Pembinaan

merupakan hasil imaginasi, maka ia memerlukan pelbagai peralatan imaginasi bagi membentuk dan memperjelaskannya, teknologi percetakan termasuk surat khabar, majalah dan sastera merupakan antara peralatan yang digunakan bagi memenuhi keperluan tersebut. Kedua, anggota dalam masyarakat baru tidak saling kenal, mereka dirancang dan dimasukkan dalam sesuatu kerangka masyarakat yang dirancang oleh pihak berkuasa.⁷³

Di samping itu, pembentukan suatu negara bangsa membawa kepada penciptaan peradaban baru. Proses ini melibatkan usaha bagi membina sebuah peradaban yang menjadi peradaban rasmi dan diamalkan oleh seluruh rakyat. Pembinaan peradaban sesebuah negara baru difikirkan perlu memandangkan peradaban merupakan asas sesebuah bangsa, dan sebuah bangsa yang sama peradaban difikirkan penting bagi menjamin keutuhan negara. Namun, masalah timbul apabila peradaban golongan majoriti sering dijadikan sebagai sumber utama yang mendominasi peradaban baru negara bangsa tersebut.

Selepas Perang Dunia Kedua, British kembali berkuasa. Malaya Union dicadangkan dan dilaksanakan oleh mereka. Gagasan ini memberi liberalisasi dalam isu kewarganegaraan. Namun, Singapura tidak dimasukkan dan tetap menjadi pangkalan tentera British.

Malayan Union mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu, UMNO ditubuhkan bagi menentang gagasan Malayan Union yang dianggap merugikan

Peradaban Orang Cina: Etniksiti, Negara dan Gerakan Pendidikan Cina), m/s 8.

⁷³ Benedict Anderson, *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*, m/s 15-16.

orang Melayu. Walaupun mendapat tentangan, gagasan Malayan Union masih dikuatkuasa pada 1hb April, 1946.

Penentangan terhadap Malaya Union membuka tirai persejarahan nasionalisme Melayu. Hasrat tersebut berjaya dipatahkan berikutan penentangan orang Melayu yang diketuai oleh para pemimpin UMNO. Berikutan itu, Malayan Union digantikan dengan Rancangan Persekutuan Tanah Melayu yang ditubuhkan pada 1hb Februari 1948. Namun, Persekutuan Tanah Melayu dilihat sebagai satu rancangan berat sebelah oleh sesetengah pemimpin, khasnya dalam dasar pendidikan dan kewarganegaraan.

3.2 Pendidikan

Selepas berimigrasi ke Malaya, pendidikan merupakan aktiviti penting selain mencari rezeki. Pendidikan dilihat sebagai usaha menyediakan seseorang dengan kemahiran dan ilmu yang diperlukan bagi meneruskan kehidupan. Bagi orang Cina, selain penguasaan ilmu dan kemahiran, pendidikan juga berperanan sebagai penjamin kesinambungan peradaban, mereka percaya bahawa bahasa merupakan jiwa peradaban, dan berpandangan bahawa peradaban hanya dapat diteruskan jika masyarakat masih menguasai bahasa asal. Selain itu, bahasa juga penting dalam meneruskan perhubungan dengan saudara mara di China, ramai antara mereka perlu bergantung kepada penguasaan Bahasa Cina bagi berutus surat dengan saudara mara yang masih berada di Negara China. Memandangkan orang Cina pada peringkat awal belum lagi mengambil keputusan untuk

bermastaun di Malaya, maka perhubungan dengan saudara mara di Negara China dianggap penting.

Oleh yang demikian, orang Cina mendirikan sekolah sejak awal penghijrahan. Pada tahun 1815, William Milne, seorang pengembang agama Kristian dari *London Missionary Society*, pernah mendirikan sebuah sekolah Cina di Melaka, sekolah berkenaan merupakan sekolah Cina pertama di Malaya. Seterusnya, orang Cina di Pulau Pinang telah mengambil inisiatif mendirikan sekolah Cina sendiri, iaitu sekolah *Wufu* (五福书院). Sekolah berkenaan dipercayai merupakan antara sekolah Cina yang terawal.⁷⁴

Pada peingkat awal, kebanyakan buku-buku teks dan guru-guru adalah diimport dari Negera China, begitu juga kandungan pelajaran yang diajar juga terdiri daripada sejarah dan geografi Negara China. Menurut Zheng Liangshu 郑良树 (Tay Lian Soo), seorang sarjana Malaysia yang menjalankan kajian terhadap pendidikan Cina Malaysia, kedua-dua perkara tersebut membuktikan pendidikan Cina awal ini merupakan kesinambungan pendidikan Negara China dan seakan-akan sebahagian daripada pendidikan di China. Keadaan ini memupuk nasionalisme China dan orientasi politik China di kalangan para pelajar.⁷⁵

⁷⁴ Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, m/s 8.

⁷⁵ Zheng Liangshu 郑良树, “Huawen Jiaoyu: Chaoyue Rentong de Kunao 华文教育超越认同的困境” dalam Lin Shuihao 林水壕 dan Fu Sunzhong 傅孙中, eds., *Dongnanya Wenhua Chongtu yu Zhenghe* 东南亚文化冲突与整合 (Pertembungan dan Integrasi Peradaban Asia Tenggara), Kuala Lumpur: The Federation of Chinese Associations Malaysia, 1999, m/s 57.

Walaupun pihak penjajah membenarkan pendirian sekolah-sekolah Cina, namun ia tidak digalakkan perkembangannya. Peruntukan kewangan kepada sekolah Cina yang dicadangkan pernah dibantah oleh Ketua Nazir, J. Driver yang berpendapat bahawa pengekalan bahasa pertuturan para imigran adalah kurang sesuai, benteng bahasa ini haruslah dirobohkan bagi membolehkan mereka menganggap Malaya sebagai tanahair.⁷⁶

Oleh yang demikian, bagi menyekat pertumbuhan sekolah-sekolah Cina, pengenalan Akta Pendaftaran Sekolah 1920, pengharaman buku teks Negara China dan pembatalan peruntukan subsidi kepada sekolah Cina merupakan antara langkah yang diambil. Namun, usaha ini gagal menghalang kesinambungan pendidikan ibunda di kalangan orang Cina.⁷⁷

Secara keseluruhannya, pada ketika itu orang Cina adalah cenderung terhadap Negara China, orang India cenderung keapda Negara India, dan golongan berpendidikan Inggeris pula cenderung kepada peradaban barat, konsep bangsa Malaya masih kabur. Masalah timbul apabila penjajah mengaitkan soal bahasa dengan soal orientasi politik, sebenarnya langkah ini menyebabkan usaha penyekatan mereka kurang berhasil.

⁷⁶ Ibid, m/s 4.

⁷⁷ Akta ini memberi kuasa kepada pihak penjajah untuk mengawal penubuhan dan perjalanan sekolah, jawatan timbalan pengarah pendidikan yang diwujudkan bagi mengawal dan bertanggungjawab terhadap hal-hewal sekolah Cina turut diperkenalkan. Di bawah akta berkenaan, pengarah pendidikan diberi kuasa untuk menutup mana-mana sekolah yang gagal menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, ia termasuklah aspek kurikulum, pengurusan sekolah dan keadaan kebersihan persekitaran sekolah. Semua sekolah dan guru baru juga dikehendaki mendaftarkan diri dan menerima penyeliaan pengarah pendidikan. Di bawah akta tersebut, skim bantuan sekolah Cina turut diperkenalkan, bagaimanapun bantuan tersebut mengenakan syarat yang membolehkan campur tangan pihak kerajaan terhadap pentadbiran sekolah. Sila rujuk Kua

Perkaitan bahasa dengan agenda politik juga boleh dilihat dari Laporan Barnes, iaitu satu laporan jawatankuasa yang ditubuhkan pada tahun 1950 bagi mengkaji sistem pendidikan negara selepas merdeka. Laporan tersebut berpendapat bahawa pendidikan bermatlamat mewujudkan kewarganegaraan Malaya menerusi pengumpulan kanak-kanak berbilang bangsa dalam sekolah kebangsaan yang menggantikan sekolah vernakular, langkah ini dipercayai membolehkan sekolah kebangsaan berfungsi sebagai tempat pemupukan identiti kebangsaan. Laporan tersebut menegaskan jika ibu bapa bertaat setia terhadap negara ini, mereka harus berasa gembira melihat anak-anak mereka mengikut pembelajaran sekolah tersebut, sebaliknya jika mereka tidak gembira berbuat demikian, ia mencerminkan ketidaktaatan mereka terhadap Malaya.⁷⁸

Sebaliknya, H.R. Cheeseman, pengarah pendidikan pertama selepas Perang Dunia Kedua, dalam laporannya mencadangkan sekolah percuma bagi keempat-empat aliran sekolah, laporan tersebut berpendapat bahawa negara bertanggungjawab membantu sekolah-sekolah tersebut.⁷⁹

Selepas Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan, CAC (Central Advisory Committee) dipertanggungjawabkan bagi meneliti semula polisi pendidikan dan M.R. Holgate menggantikan Chessman sebagai pengarah pendidikan.

Kia Soong, *A Protean Saga, the Chinese Schools of Malaysia*. Kuala Lumpur: The Resource and Research Centre, 1985, m/s 28.

⁷⁸ Ibid, m/s 7.

⁷⁹ Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*, m/s 47.

CAC pertama kali mengemukakan idea kesatuan aliran pendidikan yang bermatlamat melahirkan satu jenis sekolah yang mengintegrasikan dan menyatupadukan para pemuda Malaya. Menurut idea tersebut, semua pelajar diajar melalui satu *common language*, dan bahasa yang dapat memainkan peranan tersebut ialah Bahasa Inggeris. Usaha ini dijalankan secara “*by encouraging rather than by imposition*,” pendekatan ini berbeza dengan polisi Datuk Onn yang mencadangkan hanya satu bahasa pengantar diperlukan.

Atas cadangan Sir Henry Gurney, ditubuhkan satu lagi jawatankuasa yang dikenali Jawatankuasa Fenn-Wu bagi mengkaji pendidikan Cina. Laporan jawatankuasa tersebut mencadangkan kerajaan perlu membantu sekolah Cina menjadi “*truly malayan school*,” menjadikannya rakan yang sama taraf dengan rakan-rakan sekolah lain, dan bantuan kepada sekolah Cina dinaikkan sehingga 200 %.⁸⁰ Laporan ini berbeza daripada Laporan Barnes yang dikemukakan terlebih dahulu dengan tidak mencadangkan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama, tetapi menekankan kepentingan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan bagi menyelamatkan kedudukan Bahasa Melayu.

Oleh yang demikian, jelaslah pembentukan sistem pendidikan negara selepas merdeka adalah bertentangan dengan hasrat orang Cina yang ingin mengekalkan penggunaan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Mereka bersikap serius dalam menjaga kesinambungan pendidikan bahasa ibunda, bagi

⁸⁰ Ibid, m/s 58.

mereka, hak penerimaan pendidikan bahasa ibunda adalah hak asasi yang tidak mengancam kesetiaan politik.

3.3 Kepelbagaiorientasi Politik

Dalam keadaan berdepan dengan pelbagai dilema politik dan pendidikan, orang Cina seperti yang dijelaskan bersifat heterogenus telah terbahagi kepada beberapa pendirian. Kumpulan Cina yang berlainan mengambil pendirian masing-masing, keadaan ini mencerminkan sifat berpecah belah orang Cina apabila menghadapi tekanan luar dan perkembangan baru.

Secara amnya, golongan-golongan Cina yang dimaksudkan meliputi orang Cina Negeri-negeri Selat, orang Cina pro-Guomindang dan orang Cina dalam Parti Komunis Malaya.

Orang Cina Negeri Selat merupakan kumpulan yang unik di kalangan masyarakat Cina, mereka bukan sahaja merupakan golongan minoriti, malah sejak awal lagi mempunyai identiti yang berbeza dengan orang Cina yang lain. Mereka boleh dikatakan sejak awal lagi berpuas hati dengan status mereka sebagai warganegara Negeri-negeri Selat yang memberi banyak kebebasan dan kelebihan kepada mereka dalam menjalankan sebarang aktiviti ekonomi serta menikmati pelbagai kebajikan sosial yang ditawarkan oleh penjajah.

Pada bulan Januari 1946, British sebagai penjajah memperkenalkan syarat kewarganegaraan secara *jus soli*, ini merupakan suatu langkah yang mendapat sambutan hangat dikalangan orang Cina Negeri Selat. Tambahan pula, menurut *The British Nationality and Status of Alien Acts*, semua warga atau pendatang asing yang dilahirkan di empayar British adalah automatik menjadi warga British. Jadi, ini bermaksud orang Cina Negeri Selat juga berstatus warga British dan mereka berbangga dengan status tersebut.

Namun, cadangan British untuk menubuhkan Malayan Union yang memasukkan Pulau Pinang dan Melaka telah mengancam kedudukan istimewa mereka. Orang Cina Negeri Selat secara amnya membantah rancangan Malayan Union. Persatuan Cina-British di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura telah menghantar surat bantahan kepada gabenor Negeri Selat.

Masyarakat Cina Baba merupakan antara masyarakat Cina Negeri Selat yang berasal daripada golongan imigran Cina yang datang ke Asia Tenggara sejak awal abad ke-16, kebanyakannya mereka bermastautin di Melaka. Golongan ini mengalami darjah akulturasi peradaban yang tinggi, mereka banyak menyerap peradaban tempatan dan kehilangan identiti peradaban Cina. Berikut itu, mereka sering dianggap sebagai sub-etnik oleh masyarakat Cina yang lain atau dipandang “ kurang Cina” .

Selain ini, Tan Chee Beng, seorang ahli antropologi yang pernah menjalankan kajian ke atas Baba. Menurut hasil kajian beliau, didapati golongan

Baba turut mengalami perubahan pegangan identiti jika dibandingkan dengan nenek moyang mereka. Identiti baru telah wujud di kalangan mereka menjelang abad ke-20.⁸¹ Menurut kajian beliau, golongan Baba terbentuk berikutan perkawinan campur antara orang Cina dengan wanita tempatan, hasil perkawinan antara etnik ini melahirkan generasi baru peranakan, ciri-ciri seperti berdialek, berpakaian dan cara makan yang berciri kemelayuan membezakan mereka daripada kumpulan Cina yang lain.

Apabila masyarakat Cina secara beramai-ramai berimigrasi ke Malaya pada akhir dekad ke-19 dan awal 1920-an secara besar-besaran, orang Melayu dan penduduk pribumi yang lain membezakan Baba daripada para imigran Cina baru tersebut, iaitu mereka yang baru tiba dikenali sebagai orang Cina kelahiran China, sebaliknya mengenali Baba sebagai orang Cina kelahiran tempatan.

Semasa golongan Cina yang lain memikir semula pegangan identiti dan menyesuaikan orientasi politik masing-masing, golongan Baba turut memikir semula identiti mereka. Walaupun Baba merupakan golongan peranakan Cina Negeri Selat yang mengalami darjah akulturasi yang tinggi, namun sentimen kecinaan masih berupaya memberi impak kepada golongan Baba. Dalam arus tersebut, masyarakat Baba mula sedar bahawa ketidakfasihan Bahasa Cina dianggap sebagai perkara yang memalukan. Peranakan Cina di Pulau Pinang lebih

⁸¹ Sebagai contoh, ramai Baba yang berimigrasi ke Singapura telah memeluk agama Kristian. Agama tersebut banyak mempengaruhi cara dan nilai hidup mereka. Sila rujuk Tan Chee Beng, *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1993, m/s 18-19.

sensitif, mereka dengan segera memajukan pendidikan Cina bagi membolehkan generasi baru menguasai Bahasa Cina.

Di samping itu, gerakan komunis Malaya mula bertapak pada tahun 1924 apabila Pertubuhan Komunis Antarabangsa mula mengambil langkah mengorganisasi gerakan komunis di Malaya, gerakan tersebut berjaya mempengaruhi ramai orang Cina mengikut jejak langkah mereka dan Parti Komunis Malaya berjaya ditubuhkan pada tahun 1930.⁸² Walaupun mendapat sambutan segolongan orang Cina, gerakan komunis gagal mendapat sambutan orang Melayu dan India. Pada tahun 1930-an, aktiviti mereka tertumpu kepada penerapan ke dalam golongan pekerja dan berusaha menghasut mereka supaya mengadakan mogok.

Serangan Jepun ke atas China pada tahun 1937 membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan masyarakat Cina. Pihak Komunis mengambil peluang keemasan ini untuk meluaskan pengaruh mereka di kalangan masyarakat Cina. Pada peringkat ini, Komunis melaungkan slogan anti-fasis dan anti-British, ramai anggota komunis telah dibuang negeri atau dipenjara oleh British. Hanya menjelang Perang Dunia Kedua, komunis mengubah pendirian anti-British dengan mengadakan rundingan dengan British.

⁸² Zhu Zicun 朱自存, “*Duli Qian Xima Huaren Zhengzhi Yanbian* 独立前西马华人政治演变 (Perkembangan Politik Orang Cina Malaysia Barat Sebelum Merdeka)” dalam Lin Shuihao 林水壕, He Qiliang 何启良, He Guozhong 何国忠, Lai Guanfu 赖观福, eds., *Malaixiya Huaren Shi Xinbian* 马来西亚华人史新编 (Edisi Baru Sejarah Orang Cina Malaysia), Jilid 2, m/s 20-21.

Sepanjang era perang, komunis dan British berkerjasama menentang Jepun. Namun, komunis tidak menggunakan kekerasan bagi mendapatkan kuasa pada peringkat ini walaupun wujudnya peluang bagi mereka berbuat demikan. Secara amnya, orientasi politik orang Cina dalam gerakan komunis adalah berorientasi tempatan, mereka melihat Malaya sebagai tapak perjuangan dan berusaha menuju sebuah republik komunis Malaya.

Pada awal tahun 1950-an, penjajah British secara rasmi mengharamkan aktiviti Guomindang di Malaya. Sejurus selepas itu, British secara ramsi mengiktiraf kerajaan baru China yang diterajui oleh rejim komunis. Pengiktirafan tersebut amat menyediakan para penyokong Guomindang, namun mereka dengan semangat gigih meneruskan perjuangan. Matlamat yang ingin dicapai oleh para penyokong Guomindang bersifat anti-Komunis, mereka menyerap masuk ke dalam pelbagai pertubuhan termasuk MCA. Ramai penyokong Guomindang muncul sebagai pemimpin MCA pada peringkat cawangan.

Pada peringkat ini, walaupun mereka meneruskan jalinan hubungan dengan kerajaan Guomindang yang berundur ke Taiwan setelah kalah dalam perang saudara, tetapi mereka juga aktif dalam aktiviti politik tempatan, perkara ini menunjukkan ketaatan dan identiti politik mereka yang berbelah bagi.⁸³

⁸³ Penerusan perjuangan para penyokong Guomindang didorong oleh 2 faktor. Pertama, kesungguhan kerajaan Guomindang yang bertapak di Taiwan dalam meneruskan perjuangan untuk mendapatkan sokongan orang Cina seberang laut, kedua, walaupun pihak penjajah mengharamkan aktiviti Guomindang, namun ia masih dianggap sebagai kuasa yang dapat mengimbangi pengaruh komunis, jadi British mengamalkan dasar kompromi dan tidak campur tangan terhadap aktiviti Guomindang, sila rujuk buku Cui Guiqiang 崔貴強, *Xinma Huaren Guojia Rentong de Zhuanxiang, 1945-1959* 新马华人国家认同的转向 (Perubahan Identiti Negara Orang Cina Malaya dan Singapura, 1945-1959), m/s 224.

Sepanjang 1950-an, kita meperihatkan bagaimana para penyokong Guomindang meneruskan aktiviti anti-komunis, mereka berusaha meyakinkan pihak British bahawa keputusan pengiktirafan rejim komunis China merupakan keputusan yang salah. Selanjutnya, mereka turut membantah cadangan penubuhan pejabat konsul China di Malaya.

3.4 Asimilasi dan Akulturasi

Seperti huraiaw awal, pembentukan identiti tempatan atau kebangsaan merupakan hasrat penting bagi sesebuah negara bangsa baru. Interaksi antara etnik banyak dijalankan bagi memenuhi tujuan tersebut. Bagaimanapun, banyak halangan dihadapi oleh negara-negara Asia Tenggara dalam usaha pembentukan identiti kebangsaan, salah satu halangan ialah keengganan penduduk Cina melepaskan peradaban asal dan menyesuaikan diri dengan peradaban kebangsaan baru. Isu ini dikenali “ masalah Cina” .

Seperti yang dibincangkan lebih awal, masalah Cina merupakan satu isu bersama yang dihadapi oleh kerajaan-kerajaan Asia Tenggara yang baru mencapai kemerdekaan. Ia merupakan satu isu rumit yang ditinggalkan oleh pihak penjajah yang bertanggungjawab membawa masuk para pekerja Cina. Jadi, pada peringkat awal negara Asia Tenggara mencapai merdeka, negara baru didahului oleh jumlah orang Cina yang agak ramai, jadi kerajaan negara-negara baru perlu memikirkan

cara supaya memastikan jumlah orang Cina yang begitu ramai bertaat setia kepada negara baru.⁸⁴

Dalam isu ini, para sarjana juga mempunyai pendirian yang berbeza. Misalnya Furnivall John Sydenham mengemukakan konsep “orang Cina tidak boleh diubah,”⁸⁵ dan ada sarjana pula berpendapat orang Cina rata-rata mempunyai hasrat pengekalan peradaban yang tinggi.⁸⁶ Mereka berpendapat bahawa walaupun generasi kedua dan ketiga sudah menyesuaikan diri dengan keadaan tempatan, peradaban mereka telahpun mengalami penyesuaian, namun mereka masih mengenali diri sebagai etnik Cina. Pada hakikatnya, walaupun orang Cina menunjukkan perubahan ketara dalam kesetiaan politik, tetapi mereka masih mengekalkan identiti peradaban Cina.

Bagi menangani “masalah Cina,” asimilasi dan akulterasi menjadi jalan keluar yang difikirkan dapat menangani masalah tersebut. Akulterasi dan asimilasi merupakan dua konsep yang hampir sama, kedua-dua istilah mempunyai keserupaan dari segi maksud, iaitu usaha untuk menghilangkan identiti asal sesebuah etnik. Perbezaan kedua-dua konsep hanya dari segi metodologi, iaitu kaedah yang diambil bagi memenuhi tujuan tersebut. Secara amnya, akulterasi berlaku secara semulajadi hasil interaksi pelbagai etnik, dan asimilasi pula

⁸⁴ G. M. Foster, seorang ahli antropologi, menamakan keadaan ini sebagai interaksi antara kumpulan Sasaran (*target group*) dengan pihak inovasi (*innovating organization*), antara mereka terdapat latar belakang yang dikenali “*interacting setting*”. Dalam perbincangan ini, orang Cina adalah sebagai “*target group*” dan kerajaan Asia Tenggara berperanan sebagai “*innovating organization*,” pelbagai faktor penentu dasar pula bertindak sebagai “*interacting setting*”.

⁸⁵ Sila rujuk Furnivall John Sydenham, *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherland India*. New York: New York University Press, 1956, m/s 304.

⁸⁶ Richard J. Coughlin, *Double Identity: the Chinese in Modern Thailand*, m/s 189.

merupakan proses pemusnahan identiti dan peradaban sesuatu etnik yang dijalankan secara terancang.⁸⁷

Secara amnya, pendidikan yang bukan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar juga merupakan langkah penting dalam proses akulturasi dan asimilasi. Bagi mencapai tujuan tersebut, banyak kerajaan Asia Tenggara mengharamkan pendidikan Cina dan masyarakat Cina terpaksa menghantar anak-anak ke sekolah kebangsaan. Keadaan ini difikirkan berguna bagi memajukan integrasi antara etnik dan pembinaan identiti kebangsaan.

Seterusnya, dalam menangani “ masalah Cina,” tiga jenis dasar sering diambil oleh kerajaan negara-negara Asia Tenggara:

- 1) Dasar asimilasi, diamalkan oleh Indonesia, Thailand dan Filipina.
- 2) Dasar akulturasi, diamalkan oleh Malaya dan Brunei.
- 3) Dasar kepelbagai peradaban, diamalkan oleh Singapura.

Negara Malaya merupakan negara Asia Tenggara yang menjalankan polisi akulturasi, orang Cina menamakan diri mereka sebagai orang Malaya keturunan Cina (*Chinese Malaysian*), penamaan ini menunjukkan perubahan identiti politik dan menerangkan satu situasi di mana orang Cina Malaysia

⁸⁷ Sebagai contoh, pengaruh unsur kemelayuan di kalangan golongan Baba Melaka berlaku secara akulturasi, gejala ini berlaku hasil interaksi golongan tersebut dengan masyarakat tempatan sejak berkurun-kurun lagi, sebaliknya kehilangan identiti kecinaan orang Cina Indonesia pula berlaku secara terancang, ia merupakan suatu polisi asimilasi yang senjata dilaksanakan oleh pihak berkuasa. Sila rujuk Tan Chee Beng, *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*, m/s 20-21 yang menerangkan akulturasi golongan Baba dan Pan Ling 潘翎, ed., *Hawai Huaren*

mengalihkan pengorientasian politik dari China kepada Malaya, namun orang Cina Malaya masih berusaha mempertahankan peradaban asal mereka.⁸⁸

Pada hakikatnya, usaha pengekalan peradaban adalah meluas di negara-negara Asia Tenggara yang mempunyai jumlah rakyat keturunan Cina yang tinggi. Hal ini boleh diperhatikan dari beberapa aspek, seperti kewujudan pelbagai pertubuhan kampung, pertalian darah dan kesatuan sekerja Cina yang meluas di kalangan masyarakat Cina, adat resam tradisi dan hari perayaan masih diamal dan struktur perniagaan keluarga Cina bersaiz sederhana yang merupakan jenis perniagaan keluarga tradisi Cina, serta usaha penubuhan sekolah Cina yang gigih masih diteruskan walaupun sering menemui kebuntuan menunjukkan kesungguhan mereka dalam usaha pengekalan peradaban tersebut.⁸⁹

Oleh yang demikian, boleh disimpulkan pada tahun 1930 hingga 1940-an, kerajaan Asia Tenggara masing-masing, kecuali Singapura yang bermajoriti penduduk Cina, menghadapi “masalah Cina,” dan ramai dikalangan mereka menghadapi masalah mentadbir dan memasukkan kumpulan tersebut ke dalam masyarakat teras. Bilangan orang Cina, kestabilan politik, hubungan Cina-pribumi dan darjah campurtangan Negara China, kesemua faktor ini menjadi penentu polisi yang diambil oleh kerajaan Asia Tenggara.

Baikequanshu 海外华人百科全书 (*Ensiklopedia Orang Cina Seberang Laut*), m/s 166 mengenai kes orang Cina Indonesia.

⁸⁸ Usaha pengekalan peradaban boleh dilihat dari usaha penubuhan Universiti Cina Merdeka, pertahanan ke atas sekolah Cina rendah dan pengamalan adat resam Cina pada musim perayaan.

⁸⁹ Rao Shangdong 饶尚东, “*Dongnanya Huaren de Wenhua Rentong Wentong*” dalam Lin Shuihao 林水壕 dan Fu Sunzhong 傅孙中, eds., *Dongnanya Wenhua Chongtu yu Zhenghe* 东南亚文化冲突与整合 (*Pertembungan dan Integrasi Peradaban Asia Tenggara*), m/s 46.

Walaupun demikian, melalui polisi kerajaan Asia Tenggara, jelas terbukti orang Cina mengalami perubahan identiti, mereka berubah dari orang Cina yang masih berorientasi politik China dan hanya menganggap diri sebagai penumpang sementara di Asia Tenggara kepada orang Cina yang berstatus kewarganegaraan Asia Tenggara dan berorientasikan politik tempatan.

3.5 Tiga Peringkat Penyesuaian Peradaban

Secara amnya, sejarah penyesuaian peradaban orang Cina Malaya boleh ditinjau dalam tempoh masa sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua serta era kemerdekaan Malaya.

Secara ringkas, sebelum Perang Dunia Kedua, orang Cina rata-rata menganggap diri mereka sebagai rakyat China dan penumpang sementara, mereka berorientasi politik China serta berbangga dengan pencapaian peradaban Cina. Berikutan pengidentifikasiannya tersebut, maka tidak hairanlah tidak wujud sebarang usaha untuk mendapatkan kewarganegaraan tempatan. Seterusnya, selepas Perang Dunia Kedua, China jatuh ke tangan rejim komunis, perkembangan ini memaksa mereka mula berfikir tentang masa depan dan identiti mereka. Jadi, tempoh ini merupakan peringkat peralihan yang menyaksikan kewujudan kewarganegaraan berkembar.

Akhirnya, menjelang era kemerdekaan, penubuhan negara baru dan pemberian status kewarganegaraan membuka peluang baru kepada orang Cina,

ramai antara mereka membuat keputusan menerima kewarganegaraan tempatan dan keputusan ini turut serta mengubah orientasi politik mereka. Keghairahan untuk mendapatkan kewarganegaraan tempatan merupakan bukti terbaik yang menunjukkan peralihan orientasi dan identiti politik di kalangan mereka.

Walaupun demikian, ramai orang Cina berasa peralihan orientasi politik tidak semestinya dilakukan serentak dengan peralihan pegangan peradaban dan bahasa. Dari segi peradaban, mereka masih terikat dengan peradaban Cina, keinginan ini dapat dijelaskan melalui “ sentimen asli” yang dikemukakan oleh Clifford Geertz. Sentimen asli tersebut merupakan ikatan di kalangan masyarakat Cina terhadap peradaban asal. Walaupun mereka sudah berada di satu wilayah yang jauh daripada pusat peradaban Cina, namun ikatan tersebut masih tersemai dalam sanubari mereka. Sentimen atau ikatan asli tersebutlah mendorong orang Cina mengekalkan cirri-ciri peradaban dan memperjuangkan status bahasa ibunda dalam pelbagai arena khasnya pengekalan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar pendidikan.

Penutup

Pada keseluruhannya, 1950-an merupakan titik perubahan yang jelas bagi pendirian politik dan seterusnya mengubah identiti orang Cina Malaya dan Singapura. Perkembangan orientasi politik sebelum dan selepas 1950-an, insiden-insiden sejarah dalaman dan luaran yang berlaku dalam era tersebut amat mempengaruhi pegangan identiti orang Cina tempatan.

Pada masa yang sama, kita juga memperhatikan bagaimana kebangkitan nasionalisme tempatan dan pembinaan identiti negara bangsa baru berlaku dalam keadaan yang penuh cabaran serta wujudnya percanggahan pendirian antara kumpulan etnik yang berlainan. Namun, ini tidak bermaksud kewujudan perbezaan pendirian tersebut menyebabkan tergendalanya proses penghasilan identiti kebangsaan, sebenarnya pembentukan identiti kebangsaan tetap berlaku dalam suasana percanggahan pendirian. Oleh yang demikian, melalui huraian ini kita dapat menyimpulkan bahawa tahun 1950-an dikatakan merupakan zaman peralihan dan titik perubahan penting dalam perkembangan dan pembinaan peradaban orang Cina Malaya.